



# Voice of Academia

*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*





## **COMMITTEE PAGE**

### ***VOICE OF ACADEMIA***

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah Branch

### ***ADVISORY BOARD MEMBER***

Professor Dr. Mohamad Abdullah Hemdi  
Associate Professor Ts. Dr. Azhari Md Hashim

### ***CHIEF EDITOR***

Dr. Junaida Ismail

### ***MANAGING EDITOR***

Mohd Nazir Rabun

### ***EDITORIAL TEAM***

Aishah Musa  
Etty Harniza Harun  
Khairul Wanis Ahmad  
Intan Syahriza Azizan  
Syahrini Shawalludin

### ***EDITORIAL BOARD***

Professor Dr. Diana Kopeva  
*University Of National And World Economy, Sofia, Bulgaria*

Professor Dr. Kiyomet Tunca Caliyurt  
*Faculty Of Accountancy, Trakya University, Edirne, Turkey*

Professor Sivamurugan Pandian  
*School Of Social Science, Universiti Sains Malaysia*

Dr. Simon Jackson  
*Faculty Of Health, Arts And Design,  
Swinburne University Of Technology Melbourne, Aust*

Professor Dr. M. Nauman Farooqi  
*Faculty Of Business & Social Sciences, Mount Allison University,  
New Brunswick, Canada*

Professor Madya Dr. Wan Adibah  
*Faculty Of Accountancy,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Azlyn Ahmad Zawawi  
*Faculty Of Administrative Sciences & Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Azyyati Anuar  
*Faculty Of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Neesa Ameera Mohammed Salim  
*Faculty Art & Design, Universiti Teknologi Mara,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Muhamad Khairul Anuar Zulkepli  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Rosidah Ahmad  
*Faculty Computer Science And Mathematics,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

### **CONTENT REVIEWER**

Assoc. Prof. Dr. Nur Hisham Ibrahim,  
*Faculty Art & Design,  
Universiti Teknologi MARA Sri Iskandar, Malaysia*

Assoc. Prof. Dr. Noor Zahirah Mohd Sidek,  
*Faculty Of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Azfahanee Zakaria,  
*Faculty Of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Abd Rahman Latif,  
*Lecturer, Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia*

Dr Azyyati Anuar,  
*Faculty Of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Jamaluddin Akbar,  
*Faculty Of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Junaida Ismail,  
*Faculty Of Administrative Sciences & Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Law Khuan Kheng,  
*Faculty Of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Mahadzir Ismail,  
*Faculty Of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Muhammad Khairul Anuar Zulkepli,  
*Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Mohd Nasir Bin Ayub,  
*Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Raub Campus, Malaysia*

Dr. Neesa Ameerah Mohamed Salim,  
*Faculty Art & Design, Universiti Teknologi Mara,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Nur Hafeeza Binti Ahmad Pazil,  
*School of Social Sciences,  
Universiti Sains Malaysia, Malaysia*

Dr. Nur Aida Kipli,  
*Faculty Of Administrative Sciences & Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Malaysia*

Dr. Nor Zaini Zainal Abidin,  
*Faculty Of Administrative Sciences & Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Roshidah Ahmad,  
*Faculty Computer Science And Mathematics,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Siti Zuliha Razali,  
*School of Social Sciences,  
Universiti Sains Malaysia, Malaysia*

Dr. Zubir Azhar,  
*School Of Management,  
Universiti Sains Malaysia, Malaysia*

## **LANGUAGE REVIEWER**

Assoc. Prof. Dr. Zuraina Ali,  
*Center For Modern Language,  
Universiti Malaysia Pahang, Malaysia*

Dr. Wan Irham Ishak, Senior Lecturer,  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr. Jumani Fauzi,  
*Center For Modern Language,  
Universiti Malaysia Pahang, Malaysia*

Dr. Nor Suhardiliana Sahar,  
*Center For Modern Language,  
Universiti Malaysia Pahang, Malaysia*

Cik Fathiyah Ahmad,  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

En. Azrul Shahimy Moh Yusof,  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn Aishah Musa,  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Bawani Selvaraj,  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Ho Chui Chui,  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Juwairiah Osman,  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Mas Aida,  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Noor Izzati Ahmad Shafai,  
*Academy Of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Nor Aslah Adzmi,  
*Academy Of Language Studies,*  
*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Nor Asni Syahriza Abu Hasan,  
*Academy Of Language Studies,*  
*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Phaveena Primsuwan,  
*Academy Of Language Studies,*  
*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Razanawati Nordin,  
*Academy Of Language Studies,*  
*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn. Robekhah Harun,  
*Academy Of Language Studies,*  
*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn Samsiah Bidin,  
*Academy Of Language Studies,*  
*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Pn Shafinah Md Salleh,  
*Academy Of Language Studies,*  
*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

**e-ISSN: 2682-7840**



***Copyright © 2022 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah***

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.



# TABLE of CONTENTS

<b>TAX AVOIDANCE AND MANAGEMENT FRAUD IN MALAYSIAN PUBLIC LIMITED COMPANIES: CONCEPTUAL PAPER</b> Roshidah Safeei	<b>1 -13</b>
<b>RELIGIOSITY AND ATTITUDE INFLUENCE ON MUSLIMS' INTENTION TO VISIT HOMESTAYS IN SABAH, MALAYSIA</b> Azrin Jalasi <sup>1</sup> & Sylvia Nabila Azwa Ambad <sup>2</sup>	<b>14 -28</b>
<b>MEDICAL HEALTH INSURANCE: A CROSS-SECTIONAL STUDY OF FACTORS ASSOCIATED WITH THE FINAL YEAR UNDERGRADUATE STUDENT'S INTENTION</b> Muhammad Danial Kamarulzaman <sup>1</sup> , Mohd Nazir Rabun <sup>2*</sup> & Mustaqim Mohd Halim <sup>3</sup>	<b>29 - 41</b>
<b>APPLICATION OF GOLDEN RATIO IN INCREASING THE APPEAL OF PROPORTIONS IN DESIGN</b> Azmir Mamat Nawi <sup>1</sup> , Wan Zaiyana Mohd Yusof <sup>2</sup> , Hafeezur Rahman Mohd Yassin <sup>3</sup>	<b>42 - 48</b>
<b>THE DOMINANT OF VALUES AND LIFESTYLES (VALS) BETWEEN GENERATIONS IN MALAYSIA</b> Ahmad Subhi Zolkafly	<b>49 - 57</b>
<b>CASHLESS SOCIETY IN CAMPUS: STUDENT'S USAGE AND LEVEL OF AWARENESS</b> Nurul Azwa Binti Abdul Rais <sup>1</sup> , Noorezatty Mohd Yusop <sup>2</sup> , Syamila Nabilah Binti Sabtu <sup>3</sup> , Nur Elya Ezzaty Binti Shamsul Bahrin <sup>4</sup>	<b>58- 66</b>
<b>A STUDY OF STUDENTS' PERCEPTION OF ONLINE LEARNING CLASSES BASED ON MARS MODEL IN UITM SEREMBAN 3 CAMPUS</b> Muhammad Akif Zakwan Amir <sup>1</sup> , Abdul Hakim Mat Luwi <sup>2</sup> , Farah Adilla Ab Rahman <sup>3</sup>	<b>67 - 80</b>
<b>THE DOMINANT TRAITS FOR WOMEN TO BECOME ACADEMIC LEADERS IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS: A CONCEPT PAPER</b> Nur Idayu Badrolhisam <sup>1</sup> , Nur'Ain Achim <sup>2</sup> & Norhayati Omar <sup>3</sup>	<b>81- 90</b>
<b>THE INFLUENCE OF CUSTOMER INCIVILITY TOWARDS DEVIANT BEHAVIOUR: A CASE STUDY OF CASUAL RESTAURANT FRONTLINE EMPLOYEES IN THE KLANG VALLEY, MALAYSIA</b> Tasnimul Islam <sup>1</sup> & Fahmi Sarin <sup>2</sup>	<b>91 -99</b>
<b>ASSESSING USAGE OF METACOGNITIVE ONLINE READING STRATEGY AND ITS RELATIONSHIP WITH STUDENTS' COMPREHENSION ACHIEVEMENT IN THE NEW NORM</b> Saripah Anak Sinas <sup>1</sup> , Suthagar A/L Narasuman <sup>2</sup> and Sandra Phek-Lin Sim <sup>3</sup>	<b>100 - 115</b>
<b>INFLUENCING FACTORS OF CUSTOMER LOYALTY IN THE MALAYSIAN AIRLINE INDUSTRY USING STRUCTURAL EQUATION MODELLING (SEM)</b> Haslinda Ab Malek <sup>1</sup> , Nurhamiza Haris <sup>2</sup> , Siti Sara Wendri <sup>3</sup> , Sharifah Najihah Syed Faisal <sup>4</sup> & Isnewati Ab Malek <sup>5</sup>	<b>116 - 128</b>
<b>THE ACCEPTANCE OF ISLAMIC DEPOSIT PRODUCTS AMONG NON-MUSLIM BANK CUSTOMERS IN MALAYSIA</b> Nurul Afidah Mohamad Yusof <sup>1</sup> , Khoo Siew Teng <sup>2</sup> , Khor Siew Yi <sup>3</sup> , Teh Shu Yi <sup>4</sup> , Webster Ho Min Zhang <sup>5</sup> , and Wong Soon Seng <sup>6</sup>	<b>129 - 141</b>

<b>MEASURING THE VALUE ADDED INTELLECTUAL CAPITAL ON FINANCIAL PERFORMANCE: A CASE OF MALAYSIAN GREEN TECHNOLOGY COMPANIES</b> Noor Sharida Badri Shah <sup>1</sup> & Noor Azuddin Yakob <sup>2</sup>	<b>142 - 157</b>
<b>THE MEDIATING ROLES OF CRITICAL PSYCHOLOGICAL FACTORS TOWARDS THE RELATIONSHIP BETWEEN JOB CHARACTERISTICS AND JOB OUTCOMES: A CONCEPTUAL FRAMEWORK</b> Emi Normalina Omar <sup>1</sup> , Nur Atiqah Rochin Demong <sup>2</sup> , Lailatul Faizah Abu Hassan <sup>3</sup> , Narehan Hassan <sup>4</sup> , Anisah Alwi <sup>5</sup>	<b>158 - 168</b>
<b>A STUDY ON THE RELATIONSHIP BETWEEN CUSTOMER SATISFACTION TOWARDS SERVICE QUALITY IN A THREE-STAR HOTELS IN PERLIS</b> Nurul Labanihuda Abdull Rahman <sup>1</sup> , Syaza Syahirah Samsul <sup>2</sup> , Muhammad Shyazzwan Ibrahim Brian <sup>3</sup> , Nurul Izzati Idrus <sup>4</sup>	<b>169 - 181</b>
<b>A CONCEPTUAL FRAMEWORK FOR ENTREPRENEURIAL PERSONALITY AND ENTREPRENEURIAL POTENTIAL TRAITS FOR TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET) STUDENTS IN MALAYSIA</b> Norffadhillah Rofa <sup>1</sup> , Rohana Ngah <sup>2</sup>	<b>182 - 197</b>
<b>HOW GOOD IS SOCIAL EQUALITY IN THE PENINSULAR MALAYSIA; A CROSS-SECTIONAL STUDY AMONG BUMIPUTERA COMMUNITY</b> Mohd Nazir Rabun <sup>1</sup> , Abdul Jalil Mohamed Ali <sup>2</sup> & Nuraisyah Chua Abdullah <sup>3</sup>	<b>198 - 210</b>
<b>THE IMPLEMENTATION OF MARKOV CHAIN TO PREDICT MARKET SHARE SMARTPHONE CUSTOMERS IN SURABAYA DURING PANDEMIC COVID-19</b> Hilyatun Nuha <sup>1</sup> , Wiwin Widiasih <sup>2</sup> & Mustofa Wahyu Romadon <sup>3</sup>	<b>211 - 225</b>
<b>PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN ASNAF BERDASARKAN KERANGKA NLP: SATU KAJIAN AWAL</b> Abd Latif Abdul Rahman <sup>1</sup> , Zuraidah Arif <sup>2</sup> , Zati Atiqah Mohamad Tanuri <sup>3</sup> , Hasniza Hassim <sup>4</sup> , Che Halimah Hassan <sup>5</sup> & Norazliza Amil <sup>6</sup>	<b>226- 234</b>
<b>ANALYSIS OF PRODUCT DESIGN IN DEVELOPING LEARNING AIDS FOR DYSLEXIC CHILDREN</b> Siti Nur Solehah <sup>1</sup> , Wan Noor Faaizah <sup>2</sup> , Hasnul Azwan Azizan <sup>3</sup>	<b>235- 249</b>



---

---

## **PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN ASNAF BERDASARKAN KERANGKA NLP: SATU KAJIAN AWAL**

Abd Latif Abdul Rahman<sup>1</sup>, Zuraidah Arif<sup>2</sup>, Zati Atiqah Mohamad Tanuri<sup>3</sup>,  
Hasniza Hassim<sup>4</sup>, Che Halimah Hassan<sup>5</sup> & Norazliza Amil<sup>6</sup>

*<sup>1,2,3,4</sup>Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah*

*<sup>5</sup>Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) Merbok  
Merbok, Kedah*

*<sup>6</sup>Unit Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah*

---

### ARTICLE INFO

*Article history:  
Received July 2021  
Accepted Dec 2021  
Published Jan 2022*

*Keywords:*

*asnaf, teknologi kejayaan  
NLP, keusahawanan, dengar,  
rasa, lihat*

*Corresponding Author:  
ablatif@uitm.edu.my*

---

### ABSTRACT

*The module on building asnaf into an entrepreneur (MAJU) is a syllabus proposal for skills training that is systematically and strategically arranged to transform asnaf into a successful entrepreneur regardless of differences in education, age, race, location and teaching staff. The objective of this study is to obtain preliminary information related to the applicability of Neuro-linguistic Programming (NLP) techniques in aspects of asnaf entrepreneurship development. The study sample was a module consisting of seven (7) participants and instructors of the cake and pastry entrepreneur skills module. Accordingly, an ontological framework is referred to as a structural framework consisting of constructs, models, methods and instances that contribute to a better theory. While NLP success technology is an acronym for "Neuro Linguistic Programming" which is a meta program of success technology that uses the potential of the conscious and unconscious brain through the method of human internal neuro language to achieve targeted*

goals as an entrepreneur. Lifelong mode refers to a lifelong learning course, or also called a short-term course that can be followed by all walks of life without being subject to academic approval. The proposed research result is to produce an ontology of the relationship between NLP methods that can develop asnaf to successful entrepreneurs.

Modul membina asnaf menjadi usahawan (MAJU) adalah merupakan cadangan sillibus kepada latihan kemahiran yang disusun secara sistematik dan berstrategi untuk transformasikan asnaf kepada usahawan berjaya tanpa mengira perbezaan pendidikan, umur, bangsa, lokasi dan tenaga pengajar. Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat awal berkaitan kebolegunaan teknik Neuro-linguistic Programming (NLP) dalam aspek pembangunan keusahawanan asnaf. Sampel kajian ialah modul yang terdiri daripada tujuh (7) peserta dan pengajar modul kemahiran usahawan kek dan pastri. Sehubungan itu, kerangka ontologi adalah dirujuk sebagai kerangka struktur yang terdiri daripada konstruk, model, kaedah dan instansi yang menyumbang kepada teori yang lebih baik. Manakala teknologi kejayaan NLP adalah akronim kepada "Pemrograman Neuro Lingustik" iaitu satu meta program teknologi kejayaan yang menggunakan potensi otak sedar dan tanpa sedar melalui kaedah bahasa Neuro dalaman manusia bagi mencapai matlamat yang disasarkan sebagai usahawan. Mod sepanjang hayat pula merujuk kepada kursus pembelajaran sepanjang hayat, ataupun juga disebut kursus jangka pendek yang boleh diikuti oleh semua lapisan masyarakat tanpa tertakluk kepada kelulusan akademik. Cadangan hasil penyelidikan adalah untuk menghasilkan ontologi perkaitan antara kaedah-kaedah NLP yang dapat membangunkan asnaf kepada usahawan yang berjaya.

©2022 UiTM Kedah. All rights reserved.

---

## **1. Pengenalan**

Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan pengganguran (4.9%) terhadap 2.3 juta golongan berpendapatan rendah dan 175,000 bakal graduan, dan merupakan kesan ekonomi terburuk berbanding krisis ekonomi 1998 dan 2008. Justeru, dalam situasi yang getir ini, inisiatif melahirkan usahawan daripada golongan asnaf adalah dianggap sebagai satu perkembangan yang paling signifikan dan inovatif dalam pengurusan zakat di Malaysia. Dengan keunikannya yang mesra asnaf (Jabatan Zakat Kedah, 2020a), Lembaga Zakat Kedah telah bergerak dengan cemerlang bagi mentransformasikan ramai asnaf menjadi golongan

usahawan (Jabatan Zakat Kedah, 2020b) sekali gus menukar status mereka daripada asnaf kepada penyumbang zakat (Jabatan Zakat Kedah, 2020c).

Walaupun begitu, angka ini amatlah kecil berbanding jumlah keseluruhan asnaf. Justeru, alternatif menyediakan modul membina asnaf menjadi usahawan (MAJU) dengan kaedah NLP mungkin dapat mempercepatkan pembinaan usahawan buat masa hadapan. NLP adalah akronim kepada "Neuro Lingustik Programming" iaitu satu meta program teknologi kejayaan yang menggunakan potensi otak sedar dan tanpa sedar melalui kaedah bahasa Neuro dalaman manusia bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

Justeru, perkembangan penularan wabak COVID-19 telah meningkatkan keperluan untuk menghasilkan modul lengkap membina asnaf menjadi usahawan demi melahirkan lebih ramai golongan usahawan pada masa hadapan.

### **Pernyataan Masalah**

Modul lengkap membina asnaf menjadi usahawan (MAJU) seharusnya dilengkapi dengan pelbagai komponen latihan kemahiran, motivasi, kewangan, perniagaan, pemasaran, penjualan, pemasaran digital dan meta program teknologi kejayaan bagi merangsang keseluruhan potensi otak (sedar/tanpa sedar) dan sikap untuk mencapai sasaran menjadi usahawan terunggul.

Walaupun begitu, pada masa ini, spesifikasi standard untuk komponen ini tidak dipertimbangkan dalam pembangunan modul latihan kemahiran keusahawanan kerana tiadanya kerangka ontologi yang dapat membimbing pereka, pemaju, pelaksana dan juga pendidik serta pengajar melaksanakan perkara tersebut.

Justeru, adalah penting agar kerangka ontologi latihan kemahiran keusahawanan asnaf dirumuskan dengan tujuan untuk bertindak sebagai panduan bukan sahaja untuk perkembangan golongan asnaf tetapi juga dapat digunakan untuk menilai operasi latihan keusahawanan lain agar memberi faedah nyata kepada rakyat dan negara secara amnya.

### **Objektif**

Kajian ini mempunyai objektif berikut:

1. membangun dan mengesahkan kerangka ontologi modul membina asnaf menjadi usahawan (MAJU) yang dapat tranformasikan golongan asnaf menjadi usahawan yang berjaya
2. membangun dan mengesahkan ciri rekabentuk modul membina asnaf menjadi usahawan (MAJU) yang dapat transformasikan golongan asnaf menjadi usahawan yang berjaya, berasaskan model ontologi yang dibangunkan dalam objektif pertama

## **2. Sorotan Kajian**

### **Modul kemahiran kepada Modul Membina Asnaf Jadi Usahawan (MAJU)**

#### **Definisi dan Makna**

Proses latihan yang baik memerlukan rujukan piawai atau disebut sebagai sillibus untuk rujukan semua yang berkepentingan. Sillibus yang baik akan menghasilkan pelajar yang baik.

Justeru, pembinaan sillibus untuk sesuatu kursus adalah merupakan agenda terpenting dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran agar mencapai hasrat yang disasarkan.

Berbanding dengan modul kemahiran yang digunakan di pusat bertauliah kemahiran dan institusi pengajian tinggi yang menfokuskan kepada pengetahuan dan kemahiran, modul MAJU ditambah dengan satu komponen yang penting, iaitu teknologi kejayaan.

Modul membina asnaf menjadi usahawan (MAJU) adalah merupakan cadangan sillibus kepada latihan kemahiran yang disusun secara sistematik dan berstrategi untuk transformasikan asnaf kepada usahawan berjaya tanpa mengira perbezaan pendidikan, umur, bangsa, lokasi dan tenaga pengajar untuk digunakan dalam kursus jangka pendek dalam mod pembelajaran sepanjang hayat.

### **Teknologi Kejayaan: Sejarah, Definisi dan Maksud Neuro Linguistic Programming (NLP)**

NLP bermula pada awal 1970-an ketika dua orang yang bernama John Grinder, iaitu seorang Assistant Professor di Universiti, California yang terletak di Santa Cruz serta Richard Bandler, yang merupakan pelajar psikologi di universiti tersebut. Mereka berdua sungguh tertarik dengan persoalan tentang faktor yang menyebabkan seseorang itu cemerlang dan boleh mengulangi kecemerlangan itu pada bila-bila masa yang dikehendaki. Pemerhatian mereka mendapati individu yang mereka kaji menunjukkan bahawa setiap daripada mereka mempamerkan corak tingkah laku dan gaya fikir yang tersendiri. Rumusan ini akhirnya membina prinsip-prinsip asas dalam NLP.

Asalnya, mereka mengkaji beberapa hasil kerja tokoh ahli terapi yang terkenal pada waktu itu, iaitu Fritz Perls, seorang ahli psikoterapi yang inovatif, yang juga telah mengasaskan teknik terapi yang meluas yang dinamakan sebagai Gestalt. Bandler dan Grinder juga mengkaji hasil kerja Milton Erickson, iaitu seorang ahli hipnoterapi yang dikenali di seluruh dunia. Seorang lagi tokoh yang dikaji ialah Virginia Satir, seorang ahli terapi keluarga yang telah banyak menyelesaikan krisis rumahtangga yang dikendalikannya.

Bandler dan Grinder tidaklah berniat untuk mewujudkan satu teknik baharu. Mereka hanya kagum dengan kejayaan proses-proses 'pembaharuan psikologi' yang dilakukan oleh tokoh-tokoh tersebut. Contohnya, seorang perokok tegar boleh berhenti merokok selepas beberapa sesi terapi, seorang yang pemabuk dan pamarah menjadi seorang suami yang penyantun. Begitu juga dengan kes orang yang menghadapi tekanan perasaan melampau, dan boleh bertukar menjadi seorang yang ceria positif.

Mereka berusaha mengenal pasti corak dan kaedah yang digunapakai oleh tokoh-tokoh tersebut, dan membandingkan antara satu sama lain. Akhirnya, mereka menemui satu kesimpulan yang sungguh memeranjatkan. Walaupun setiap ahli terapi itu mempunyai kaedah dan personaliti yang jauh berbeza, namun mereka semua mempunyai corak asas yang sama.

Bandler dan Grinder pun mengenalpasti corak-corak tersebut, memantapkannya dan membangunkan model dan teknik yang dinamakan sebagai Neuro Linguistic Programming (NLP). Selepas itu, ramai orang yang turut menyumbangkan kepada pembangunan idea-idea NLP sehingga menjadi satu 'teknologi kejayaan' yang luas dan dinamik.

## **Kerangka Ontologi**

Secara amnya, dalam sains komputer dan sains maklumat, ontologi secara formal mewakili pengetahuan sebagai satu set konsep dalam domain, dan hubungan antara pasangan konsep. Ia dapat digunakan untuk memodelkan domain dan menyokong penaaakuan mengenai konsep.

Selain itu, Ontologi juga merujuk sebagai kerangka struktur untuk mengatur informasi dan digunakan dalam kecerdasan buatan, Web Semantik, kejuruteraan, perisian, informatika bioperubatan, sains perpustakaan, penanda buku perusahaan, dan seni bina maklumat sebagai bentuk perwakilan pengetahuan tentang dunia atau sebahagian daripadanya. Penciptaan domain Ontologi juga penting untuk definisi dan penggunaan kerangka kerja seni bina perusahaan.

Oleh itu, kerangka ontologi boleh merujuk sebagai kerangka untuk menjelaskan spesifikasi sesuatu. Dalam konteks cadangan penyelidikan ini, kerangka ontologi merujuk kepada kerangka kerja termasuk hubungan antara komponen dalam modul membina asnaf menjadi usahawan.

## **Penyelidikan Sains Reka Bentuk (Design Science Research)**

Sains Rekabentuk diperlukan kerana ia perlu untuk membuat penyelesaian melalui ujian dan penyesuaian. Penyelesaian dalam cadangan ini adalah reka bentuk artifak ontologi dan reka bentuk kandungan pengajaran. Dalam Sains reka bentuk artifak digambarkan sebagai salah satu daripada lima output ini atau gabungannya (Reinecke & Bernstein, 2013), iaitu:

Konstruk adalah perbendaharaan kata konseptual (contohnya notasi, entiti dan aliran data) domain tertentu.

Model adalah sekumpulan cadangan (contoh: rajah dan kes penggunaan) yang menyampaikan hubungan antara konstruk. Sesuai dengan tujuan Sains Reka Bentuk, model dalam perspektif ini, bukan menggambarkan kebenaran (seperti dalam sains semula jadi), tetapi lebih memfokuskan kepada utiliti, dan oleh itu disajikan dari segi apa yang dilakukannya dan teori dijelaskan dari segi hubungan konstruk.

Kaedah menggabungkan teori-teori yang ada dan proses ini menghasilkan proses untuk penyelesaian masalah tertentu.

Instantiasi menyusun konstruk, model dan kaedah dalam mewujudkan artifak di persekitaran. Ini bukan produk akhir, tetapi sering mendahului produk tersebut.

Akhirnya, penyelidikan rekabentuk dapat menyumbang kepada teori yang lebih baik (atau pembinaan teori) dengan dua cara. Pertama, fasa pembinaan usaha penyelidikan rekabentuk boleh menjadi bukti kaedah eksperimental atau eksplorasi eksperimen kaedah atau keduanya. Kedua, artifak dapat menggambarkan hubungan antara elemennya.



Berikut adalah persoalan kajian yang ingin dijawab dalam penyelidikan ini:

1. Mengapa masih belum ada kerangka ontologi dan ciri rekabentuk (design properties) modul pengajaran kemahiran yang sesuai dan lengkap yang dapat tranformasikan golongan asnaf menjadi usahawan yang berjaya?
2. Bagaimana membangunkan kerangka ontologi dan ciri rekabentuk (design properties) modul pengajaran kemahiran yang sesuai dan lengkap yang dapat tranformasikan golongan asnaf menjadi usahawan yang berjaya?

### **3. Metodologi Penyelidikan**

Dengan menggunakan pendekatan Design Science Research (DSR), data untuk kajian akan dikumpulkan melalui kaedah berikut melalui tiga langkah iterasi. Dua proses utama dalam DSR digunakan untuk setiap lelaran adalah membina dan menilai.

#### **Iterasi Pertama**

##### **a. Bina Kerangka Konsep dan Sifat Rekaan yang Sesuai daripada Badan Literatur**

Dalam iterasi pertama, model konsep dan sifat rekabentuk yang sesuai dari sorotan kajian akan dikembangkan sebagai kerangka konsep di mana struktur pengetahuan konsep adalah salah satu aspek utamanya

##### **b. Penilaian Kerangka Konsep dan Sifat Rekaan yang Sesuai daripada Badan Literatur**

Hasil lelaran pertama dinilai berdasarkan badan literatur ontologi yang ada serta kriteria yang disintesis yang berkaitan dengan penilaian ontologi.

#### **Iterasi Dua**

##### **a. Bina Kerangka Ontologi dan Sifat Reka Bentuk yang Sesuai untuk Modul Membina Asnaf Menjadi Usahawan**

Lima (5) kali sesi temubual dengan tujuh (7) responden yang merupakan peserta (asnaf), pengajar serta jurulatih. Kedua-dua hasil temubual dan kerangka konsep dari iterasi pertama akan digunakan sebagai input untuk mengembangkan kerangka ontologi dan sifat rekabentuk untuk modul bahan pengajaran keusahawanan (MAJU).

Keseluruhan, Tujuh (7) responden terlibat pada setiap kelas seperti di bawah, iaitu:

1. lima (5) peserta bengkel yang terdiri daripada Asnaf
2. seorang (1) pengajar bidang kemahiran kek & pastri
3. seorang (1) jurulatih NLP

Lima (5) kelas untuk tujuan temu bual adalah seperti dibawah:

Temu Bual Pertama: Kelas Membuat "Cream Puff" & Suntikan NLP

Temubual dengan tujuh (7) responden yang merupakan peserta (asnaf), pengajar dan jurulatih NLP. Kedua-dua hasil temubual dan kerangka konsep dari iterasi pertama akan digunakan sebagai input untuk mengembangkan kerangka ontologi dan sifat rekabentuk untuk modul MAJU bagi kelas kemahiran Cream Puff & Latihan NLP. Lokasi kelas ini akan diadakan di Sekolah

Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok SMPK (V) kerana terdapat kelas khas untuk kegunaan membuat Cream Puff.

#### Temu Bual Kedua (2): Kelas Membuat Tart & Suntikan NLP

Temubual dengan tujuh (7) responden yang merupakan lima (5) peserta (asnaf), pengajar dan jurulatih NLP. Kedua-dua hasil temubual dan kerangka konsep dari iterasi pertama akan digunakan sebagai input untuk mengembangkan kerangka ontologi dan sifat rekabentuk untuk modul MAJU bagi kelas kemahiran membuat Tart & latihan NLP. Lokasi kelas ini akan diadakan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok (SMPKV) kerana terdapat kelas khas untuk kegunaan membuat Tart.

#### Temu Bual Ketiga (3): Kelas Membuat Biskut & Suntikan NLP

Temubual dengan tujuh (7) responden yang merupakan lima (5) peserta (asnaf), pengajar dan jurulatih NLP di kelas memasak biskut Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional, Merbok. Kedua-dua hasil temubual dan model konsep dari iterasi pertama akan digunakan sebagai input untuk mengembangkan kerangka ontologi dan sifat rekabentuk untuk modul MAJU bagi kelas kemahiran membuat biskut & latihan NLP.

#### Temu Bual Keempat (4): Kelas Membuat Roti & Suntikan NLP

Temu ramah dengan tujuh (7) responden yang merupakan lima (5) peserta (asnaf), pengajar dan jurulatih NLP. Kedua-dua hasil temu ramah dan model konseptual dari iterasi pertama akan digunakan sebagai input untuk mengembangkan kerangka ontologi dan sifat rekabentuk untuk modul MAJU bagi kelas kemahiran membuat roti & latihan NLP. Lokasi kelas ini akan diadakan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok (SMPKV) kerana terdapat kelas khas untuk kegunaan membuat roti.

#### Temu Bual Kelima (5): Kelas Membuat Kek & Suntikan NLP

Temu ramah dengan tujuh (7) responden yang merupakan lima (5) peserta (asnaf), pengajar dan jurulatih NLP. Kedua-dua hasil temu ramah dan model konseptual dari iterasi pertama akan digunakan sebagai input untuk mengembangkan kerangka ontologi dan sifat rekabentuk untuk modul MAJU bagi kelas kemahiran membuat kek & latihan NLP. Lokasi kelas ini akan diadakan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional, Merbok SMPK (V) kerana terdapat kelas khas untuk kegunaan membuat kek.

### ***b. Penilaian Kerangka Ontologi dan Sifat Reka Bentuk yang Sesuai untuk Modul Membina Asnaf Menjadi Usahawan***

Pengetahuan yang dikembangkan akan dinilai berdasarkan Rangka Kerja Kualiti dan Penilaian Rekabentuk Ontologi.

#### **Iterasi Tiga**

##### ***a. Bina Artifak Akhir: Kerangka Ontologi dan Ciri Reka Bentuk untuk Modul membina Asnaf Menjadi Usahawan (MAJU)***

Kajian kes:

Ontologi dan sifat reka bentuk yang dikembangkan di iterasi dua akan digunakan sebagai input dalam kajian kes ini. Platform Windows dan perisian berkaitan akan dipilih sebagai platform pengujian.

#### **b. Penilaian Artifak Akhir: Kerangka Ontologi dan Ciri Reka Bentuk untuk Modul Membina Asnaf Menjadi Usahawan (MAJU)**

Artifak akhir sifat ontologi dan ciri reka bentuk yang dikembangkan akan dinilai berdasarkan Rangka Kerja Kualiti dan Penilaian Reka Bentuk Ontologi, sementara itu penerimaan sifat reka bentuk akan dinilai berdasarkan ukuran yang akan dikembangkan berdasarkan "theory planned behaviour" (Ajzen, 1991).

Sepanjang dua iterasi terakhir, setiap prototaip ontologi dinilai berdasarkan Rangka Kerja Kualiti dan Penilaian Reka Bentuk (DQEF) yang disintesis dari literatur berkaitan pengetahuan. Iterasi tiga khususnya tidak hanya meningkatkan ontologi yang dikembangkan, tetapi juga memberikan pengesahan praktikal dan menunjukkan keberkesanan dan nilai ontologi.

#### **4. Signifikan Kajian**

Rangka kerja dan reka bentuk ontologi inventif yang merangkumi semua domain yang dianggap penting untuk reka bentuk, pengembangan, dan penilaian modul membina asnaf jadi usahawan yang lengkap. Sehingga kini, kerangka pengetahuan dan sifat reka bentuk ini belum pernah dibina sebelumnya oleh mana-mana penyelidik di bidang pembinaan modul latihan.

Tambahan pula, kerangka pengetahuan dan sifat rekabentuk dapat digunakan untuk memandu perkembangan projek membina asnaf menjadi usahawan dalam semua bidang kemahiran. Ia juga dapat digunakan untuk menilai prestasi modul-modul kemahiran yang dibangunkan.

Selain itu, responden yang mengikuti program penyelidikan ini berpeluang mempelajari kemahiran asas pembuatan kek dan pastri serta program pembangunan kejayaan diri NLP yang akan membangunkan mereka menjadi usahawan. Sekurangnya, responden daripada kajian ini sahaja telah menghasilkan lima (5) usahawan bidang industri kek dan pastri.

Berdasarkan konteks masyarakat, kajian ini memberikan input kepada masyarakat dan profesional pendidik dengan pemahaman yang lebih baik mengenai tahap pengetahuan dan rekabentuk modul pengajaran yang disusun dan dirancang, melalui analisis ontologi yang terlibat serta cara komponen berinteraksi antara satu sama lain. Berdasarkan pandangan ini, para profesional dapat meningkatkan perkhidmatan kepada pengguna dan masyarakat dapat memperoleh keuntungan yang optimum.

#### **Penghargaan**

Penyelidikan ini adalah menggunakan geran penyelidikan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) melalui kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dengan Jawatankuasa Penyelidikan Zakat, Wakaf dan Sedekah (ZAWAS) UiTM Kedah serta Unit Pengurusan Penyelidikan UiTM Kedah (Rujukan LZNK.PKPZK. 100-1/2/1(99)).

**Rujukan**


Ajzen, Icek (1991). "The theory of planned behavior". *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 50 (2): 179–211. doi:10.1016/0749-5978(91)90020-T.

Jabatan Zakat Kedah (2020a) Usahawan Asnaf Bimbingan Zakat Kedah, Portal Jabatan Zakat Kedah di URL: <https://www.zakatkedah.com.my/usahawan-asnaf-bimbingan-zakat-kedah-disantuni/>

Jabatan Zakat Kedah (2020b) Senarai Usahawan Asnaf, Portal Zakat Kedah di URL:<https://www.zakatkedah.com.my/senarai-usahawan-asnaf/>

Jabatan Zakat Kedah (2020c) Lagi Usahawan Asnaf Zakat Kedah Bayar Zakat, Portal Jabatan Zakat Kedah di URL: <https://www.zakatkedah.com.my/lagi-usahawan-asnaf-zakat-kedah-bayar-zakat/>





Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani

**ISSN: : 1985-5079**

